



Harian Metro
27-Jan-2010
Page: 27
Business & Finance
Region: Malaysia
Circulation: 336603
Type: Malaysia - Malay Newspapers
Size: 118.43 sq.cms
Frequency: MTWTFS

CIMB Principal kekal rentak urus harta

CIMB Principal

CIMB Principal Management Bhd yang menguruskan 61 dana amanah saham, menjangka harta di bawah pengurusan akan berkembang pada rentak sama dengan 2009," kata Ketua Pegawai Pelaburannya, Raymond Tang, semalam.

"Sehingga 31 Disember lalu, harta di bawah pengurusan kami dicatatkan pada RM22.1 bilion, peningkatan

RM5.2 bilion daripada 2008.

"Kami menguruskan harta bernilai RM16.9 bilion sehingga 31 Disember 2008 dan diharapkan rentak sebegitu akan kekal tahun ini," katanya selepas pelancaran Dana Ekuiti CIMB China-India-Indonesia di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, nilai harta yang diuruskan tahun lalu kurang daripada angka sasaran syarikat iaitu RM25 bilion kerana ekuiti dan ekonomi global pulih perlahan-lahan.

Sementara itu, Ketua Pe-

gawai Eksekutif CIMB Principal, J Campbell Tupling, berkata syarikat pengurusan aset itu akan terus melancarkan lebih banyak dana bergantung permintaan global.

Mengenai dana baru dilancarkan, beliau berkata, China, India dan Indonesia dipilih kerana mereka antara ekonomi baru muncul yang paling menggalakkan di dunia.

"Tahun lalu, apabila kebanyakan negara mengalami kemelesetan yang serius, ketiga-tiga negara itu tetap

kukuh dengan pertumbuhan Pengeluaran Dalam Negara Kasar yang positif.

"Walaupun China dan India dikenali sebagai ekonomi membangun, ramai yang tidak perasan Indonesia adalah ekonomi yang paling berprestasi, tahun lalu.

"Kami memperuntukkan 60 peratus (daripada saiz dana) untuk China, 30 peratus untuk India dan baki 10 peratus untuk Indonesia. Ini bagaimanapun mungkin berubah mengikut permintaan," katanya. — Bernama